Akhirnya Allah telah buat keputusan... terimalah dengan tenang dan hati terbuka..betullah aku dipecat oleh sianu-sianu tetapi siapakah yang menggerakan sianu-sianu untuk memecat aku. " A L L A H MAHA BESAR".

Kalau aku bawa pengundi hantu diam-diam nanti SPR / BN tahu.
Kalau kalah ada pengundi hantu kalau menang SPR tak dibambu .
Kalau kalah SPR penipu kalau menang senyum tersipu.
Kalau kalah sianu masuk neraka kalau menang sianu masuk syurga.
Kalau aku kata Tuhan mencarut tak apa .
Kalau aku kata sianu tu FIRAUN tak apa.
Kalau aku kata sianu kafir tak apa.
Kalau aku guna Islam untuk kepentingan politik no problem.
Kalau aku pecahbelahkan ummah untuk kepentingan politik ok no problem.
Kalau aku kalah perbicaraan, BN yang arahkan mahkamah.
Kalau aku menang perbicaraan itu adil.
Kalau aku tampar anggota polis ok kalau polis kasari aku buat KECOH sampai kelangit.

KALAU BEGITU AKU LAH TUHAN..NAUZUBILLAH..NERAKA KETUJUH.

By siti on September 17, 2009 3:24 PM

Askum
Tun ...
Mungkin ada yang Tun cuba sembunyikan di sini
Bukankah dengan dasar KUOTA inilah Tun berjaya menafikan KULI sebagai presiden Umno yang terpilih waktu itu.
Menggunakan undi bonus itulah Tun telah berjaya menepikan KULI dengan cara kotor.
Dan dek rasa tidak puas hati 46 perwakilan yang menyokong KULI.
Mereka telah menubuhkan satu parti baru iaitu Semangat 46.

Tun ...
Kata Ibu saya memamg TUN Licik tapi nasib baik TUN buat begitu.
Kerana kelicikan itulah Malaysia membangun dalam zaman pemerintahan TUN.
Mungkin sudah tiba masanya TUN hapuskan semua benda2 yang menanahkan dan membenihkan rasuah dalam UMNO sebelum ia hancur pada piliharaya yang akan datang.

Tun ...
Selamat hari Raya kepada seluruh ahli keluarga.

By paknhgah45 on September 17, 2009 2:51 PM

Asalamualaikum Tun Ayahanda Rakyat berdua.

Dalam penulisan Tun sebanyak 14 perenggan, perenggan 14 itu adalah merupan kesimpulan yang menarik perhatian saya.

Kebanyakan manusia dari dahulu hingga sekarang sudah tidak hirau lagi kepada ketelusan dan keikhlasan, Etika ini cuma menjadi cakap cakap mereka untuk memerangkap kepercayaan umum, sedangkan pada hakikatnya adalah sebaleknya, mereka merupakan pelakun2 dipentas Dunia, khususnya dunia Politik.

Apakah sistem yang boleh menjamin kesempurnaannya, kalau disana terdapat manusia2 yang tidak sempurna, mau mengikut runtunan Hawa Nafsu semata2, kerakusan mereka akan memakan apa sahaja kebaikan yang ada hingga menjadi rosak dan jahanam.

Saya mencadangkan kata2 diperenggan 14 itu dicetak dan dipamerkan disetiap Pejabat UMNO, Pusat, Negeri, Bahagian dan cawangan.

Sekian Selamat Berpuasa dan Semat Berhariraya untuk Tun berdua.

By rahman abbas on September 17, 2009 2:48 PM

Assalamulaikum Tun, selamat hari raya aidilfitri maaf zahir batin.

Di Malaysia buat apa pun tak betul.
Kerajaan dari langit pun tak akan betul.
Selagi ada penghasut kebangsaan..si kitol..

Di singapura buat apa pun betul, sistem satu parti, kalau ada kitol dari awal akan disaman dan menang jutaan dan kitol merengkok dalam penjara.
Singapura aman dan makmur.kitol dan pengkhianat dimatikan ketika hendak berputik.

ISA di Singapura okok saja sebab tak ada kitol penghasut.

kalau di filipina atau thailand dipelurukan dan dibuluh runcing di indonesia. kita cam na.

By Idea Strategic on September 17, 2009 2:36 PM

As'kum Tun & rakan Blogger semua,

Nampaknya saya dan ramai lagi, berpendapat undi terus dari ahli akar umbi adalah cara yang lebih baik. Sebagai ahli parti, ahli juga berhak menyuarakan sokongan kepada calon yang dilihat benar-benar mampu mengemudi parti dengan lebih bijaksana. Selama ini ketika mesyuarat cawangan, ahli terpaksa mengikut telunjuk Ketua Cawangan yang pandai-pandai meninggikan suara dengan menyebut nama calon tertentu dan ianya pula dengan segera disokong oleh pengikut yang telah siap sedia menunggu saat cadangan pencalonan. Oleh kerana itu ahli-ahli lain yang tidak bersetuju juga terpaksa mengikut kehendakan Ketua Cawangan tadi kerana

bimbang diboikot atau dianggap sebagai pembangkang didalam parti untuk cawangan itu. Hal yang sama juga berlaku diperingkat Bahagian. Jadi perkara ini akan berlarutan tanpa kesudahannya.

Dengan teknologi yang ada, ahli parti boleh mengundi menggunakan saluran seperti internet, sms dan sebagainya. Sebelum mengundi, perlulah dikemaskinikan biodata diri seperti alamat email & no h/p bagi mengelakan penipuan atau digunakan oleh orang lain. Diharap cadangan ini boleh dibawa ketengah paling tidak pun ke mesyuarat MT parti. Bagi memperkasakan parti bukannya hanya terjerit-jerit dihadapan media dengan memburukkan orang lain dan menyebabkan rakyat menjadi benci.

Salam kemaafan dari saya untuk semua,

By Pekli on September 17, 2009 2:27 PM
Tun,
I agree with your final point. UMNO is money. Money is UMNO. Money will kill UMNO and majority of the Malays. This is what happens when the Muslims put their religion second to money. You are very wise not to re-join UMNO.
Look at all the UMNO ministers. You can easily tell that they are multi-millionaires. Of course they can hide their money under different account names but they will never be able to hide from Padang Masyar.
Look at their expensive watches, their luxury cars at home, their wives' expensive diamonds and pearls, their kids' arrogance and expensive lifestyles etc etc. Yes, these are all not under their names but who are they trying to fool? ALLAH?
So when the leaders are money oriented, so will the followers. Most of us don't realize when we condemn the people below us for their wrongdoings, it is us who are responsible for them to behave such way.
UMNO is too corrupted. Tun, i think you should establish a new party that represents a new hope for all Malaysians and I bet you'll win the next GE big time.
By 1malaysia on September 17, 2009 2:22 PM
Salam Tun,
Saya bersetuju sistem kuota dihapuskan, tetapi mesti bersifat sementara. Kalau sistem kuota di hapuskan secara total maka cacar marba lah jadinya perhimpunan agong kita. Perlaksanaan undi diperingkat akar umbi harus dikemaskini, supaya semua ahli diberi peluang untuk memilih pemimpin mereka, tanpa menganggu sistem kuota. Punggutan suara secara menyeluruh didalam & diluar parti perlu diadakan sebelum pemilihan diadakan ( memandangkan UMNO adalah parti semua orang2 melayu & terdapat sistem block di peringkat akar umbi),yang dikendalikan oleh badan2 yang berkecuali.Setiap aspek harus dipertimbangkan oleh ahli2 dalam memilih pemimpin mereka, mungkin kita beri peluang calon2 yang bertanding memperkenalkan diri & panduan pemilihan diberikan kepada ahli2 yang pergi mengundi.
Y.A.Bhg Tun,
Memang mudah untuk kita bercakap,tapi tak semudah itu untuk melaksanakannya.Bila bercakap pasal parti, ia melibatkan ramai orang. Kalau 1 orang je yang nampak jalan penyelesaiannya, masalah tak selesai juga. Tapi kita HARAP2 ramai yang akan nampak apa yang sedang dihadapi parti keramat ini. Saya percaya apa yang kita idam2kan akan membuahkan hasil apabila 1. Semua ahli mengetepikan kepentingan diri, 2. Kurangkan perselisihan pendapat sesama sendiri, 3. Kurangkan publisiti dalam menangani satu2 isu, 4. Kurangkan tikam belakang sesama sendiri, 5. Tingkatkan Jatidiri, 6. Banyak2 bersabar kerana perubahan sikap mengambil masa yang lama,

7. Berani Berubah. Hampir kesemua masalah orang2 melayu hari ini berkisar pada sikap orang melayu itu sendiri, jadi kita kena banyak berbincang secara tertutup. Malu kat orang lain kalau orang lain tau. Sekian sahaja komen saya pada hari ini Tun, mudah2an Tun berdua di Panjangkan Umur dan sihat selalu.
Sekian Terima kasih, Wasalam.
By kadiology on September 17, 2009 1:49 PM
hebat ya anwar.
bila lawan arwah ghafar, undi bonus sahaja dah boleh bikin arwah ghafar tergolek. berapa banyak duit sudah anwar tabur pada bahagian sampai bahagian semua tolak ghafar yang sudah begitu lama dalam UMNO?
saya bukan setakat setuju sistem quota di hapuskan, tetapi saya amat bersetuju kiranya ahli umno sendiri dapat memilih pemimpin tertinggi mereka. sekarang ni dah ada teknologi dan keupayaan untuk membuat proses undi bagi 60 ribu ahli di cawangan secara SERENTAK! time tu, hancur la cita2 mamat tu nak jadik perdana menteri termuda.
lagi satu bagusnya ialah ini akan memberikan makna kepada ahli UMNO kerana selain dari dapat menghayati perjuangan parti, ahli juga dapat memilih pemimpin yang mereka mahu.
By fee3 on September 17, 2009 1:19 PM
Quoted:
"By pakpandir08 on September 17, 2009 9:36 AM
- Semasa berkuasa, AP dikatakan tiada masalah ... selepas pencen, complain AP disalahgunakan
- Semasa berkuasa, Air Murah jual kepada Singapura tiada masalah ... selepas pencen, complain itu tak betul
- Semasa berkuasa, Sami Biru dikatakan baik belaka ... selepas pencen, complain dia tak baik
- Semasa berkuasa, orang lain kritik kena tangkap ... selepas pencen, kritik orang dikatakan freedom of speech
- Semasa berkuasa, duduk lama lama pegang kuasa ... selepas pencen, kritik orang gila kuasa
- Semasa berkuasa, Kuata dikatakan betul ... selepas pencen, complain ia amat buruk sekali"
Let me tell you,
Now I understand why you pick pakpandir as your nick. Suitable to your brain's standard. Talk without fact and I believed you don't read much about those stuff and don't read in general. You are a person who just swallow what you hear. Very typical PR's man. You got brain but remember that cow has brain too (is it too sentitive to say cow here?). Brain has its function in many way to all living things. To some, their brain is limited or too limited.
As we know from the story, pak pandir's brain doesn't even close to comprehend common senses. There you are, you just proved it.
Salam Aidul Fitri
By n.ajis on September 17, 2009 1:18 PM
Saya bukan ahli UMNO tapi saya sokong apa sahaja langkah yg Tun rasa sesuai untuk kembali pulihkan UMNO. Bukan setakat pemilihan jawatan presiden parti tapi pemilihan ketua di semua peringkat. Cukuplah orang yang dungu memimpin UMNO di pelbagai peringkat sbb mereka mampu tabur wang. UMNO perlukan cerdik pandai Melayu untuk pimpin parti. Cerdik pandai Melayu hanya berminat sertai UMNO kalau buah fikiran dan pandangan mereka diambil kira. Hanya orang yg dungu sertai UMNO untuk dapatkan wang. Saya berdoa UMNO kembali kuat dan ikhlas. Orang Melayu perlukan parti yg kuat dan mampu bersuara membela hak-hak Islam dan Melayu seperti yg telah termaktub dalam perlembagaan. Saya tidak mengharapkan UMNO jadi parti yg perfect (spt yg dimimpikan PAS) kerana ia adalah mustahil. Cukuplah sekadar

pemimpin yg prihatin dan ikhlas lebih banyak dari yg dungu dan tamak haloba. Sekurang-kurangnya terubat jua perasaan rakyat terhadap UMNO.
By HBT on September 17, 2009 1:14 PM
Dearest Tun,
May I...
//By pakpandir08 on September 17, 2009 9:36 AM
- Semasa berkuasa, AP dikatakan tiada masalah ... selepas pencen, complain AP disalahgunakan
- Semasa berkuasa, Air Murah jual kepada Singapura tiada masalah ... selepas pencen, complain itu tak betul
- Semasa berkuasa, Sami Biru dikatakan baik belaka ... selepas pencen, complain dia tak baik
- Semasa berkuasa, orang lain kritik kena tangkap ... selepas pencen, kritik orang dikatakan freedom of speech
- Semasa berkuasa, duduk lama lama pegang kuasa ... selepas pencen, kritik orang gila kuasa
- Semasa berkuasa, Kuata dikatakan betul ... selepas pencen, complain ia amat buruk sekali//
Dear pakpandir08,
Sabar lah, these problems will be rectified once our brother Anwar and the corrupted BN (abg samuraimelayu labelled mereka ini adalah Badan Najis) are from Politics!! Like Fiasco Perak, kan Raja Nazrin kata kepada Nizar and Ngeh, "If you want to work under me, get these people back to the seats" after His Royal Highness have waited for more than 3 hours to initiate the new government.
The mamak - YB Zambry of Perak will be out in next PRU, why? He is aggressive and bodoh sombong by declaring in the main stream news that he is working very hard to bring in Korea (South or North, tak tahu kerana ia tidak dituliskan), ha...ha...ha....
Beliau tipu rakyat Perak by using Korea because If Korea does not come in, he will say "Ah.... South Korea will not come in because they have diverted their investments to North Korea!" Senang aja, but now is Naked World, if you cannot do it, shut up!!!!
If PAS's Nizar re-take Perak in next PRU, he will make sure DSAI is out from Pakatan Rakyat because rakyat tak suka pada DSAI. Once DAP Lim GE get full support from Chinese, he will campak DSAI jugak.... PAS and DAP would be accepted and supported only when they are willing to work with those who are capable and tentative in BN to win the heart of Rakyat.
Ada support from Rakyat, but no money support from institutions and corporations, like we say, Votes ADA, DUIT takda, tak jadi jugak....
By crazy diamond on September 17, 2009 11:55 AM
Tun,
Tidak ada sistem dan undang - undang yang dicipta oleh manusia yang sempurna di dunia ini. Manusia secara sifatnya juga tidak sempurna, malah setiap manusia ada kelemahannya masing - masing, jadi hasilnya juga kurang sempurna. Hanya sistem dan undang - undang Allah sahaja yang sempurna sifatnya. Harus diingat manusia mempunyai nafsu, nafsu inilah yang akan membuatkan manusia itu terpesong ditambah lagi dengan pengetahuan yang mendalam tentang sesuatu sistem itu akan membuatkan manusia cuba untuk menyeleweng bagi memenuhi tuntutan nafsu. Inilah yang berlaku terhadap UMNO dimana saya amat bersetuju dengan pendapat Tun para. 14. Sebenarnya tidak ada sistem yang tidak cacat. Samada sesuatu sistem berkesan atau tidak bergantung kepada pengamalnya. Apabila pengamal dipelbagai peringkat mudah di suap, sistem apa pun tidak akan menghasilkan yang terbaik.
By kamal ahmad on September 17, 2009 11:54 AM
Salam kasih dan salam hormat Ayahanda Tun,

Ini semua saki baki AJK Tingkat 4 Badawi dulu – “Mamak Gang”. Boleh pakai cakap sebegini? Dalam masa AJK Tingkat 4 memerintah Malaysia daripada Oktober 2003 hingga ke April 2009, UMNO telah hilang MARUAH dan KREDIBILITI dikalangan rakyat Malaysia dan juga pentas antarabangsa. Duit yang banyak mampu membeli apa saja yang diperlukan dalam dunia ini. Tak mustahil beli 50% daripada 20,000 undi. Lagipun belian secara tunai hanya 25%, yang lain boleh hutang juga dan bukan semua nak duit RM. Disebabkan itu, kerajaan perlu mengawal semua aspek tender/perolehan di beberapa Kementerian dan Jabatan Kerajaan negeri yang “masih dibawah tadbir kroni AJK Tingkat 4”, sebab ini “saluran ganjaran real rewards enrichment program KJ”. Hapuskan AJK Tingkat 4 dalam UMNO terlebih dahulu sebelum sebarang langkah pemulihan boleh dibuat dengan berkesan. Selagi ini tidak dapat dilakukan, selagi itu jugalah UMNO dan Melayu membuang masa. Hapus masalah yang pertama, maka akan hampir 70% dah selesai masalah berungkai ini. Cakap-cakap macam keratan akhbar bawah ni, kosong dan menipu rakyat serta membangkitkan meluat rakyat pada UMNO saja. Inilah kerja Utusan sekarang ini: media rasmi AJK Tingkat 4 dan si Badawi kemian. Syabas kepada Utusan. BERNAMA masih lagi milik mereka. Tun, sebelum apa satu pun langkah pembaikkan di mulakan oleh DSN, beliau harus tahu yang AJK Tingkat 4 mesti di keluarkan dahulu dari UMNO. Sebab hari demi hari nampak gayanya seperti DSN dah bekerja untuk kelompok ini. Buang kouta akan menyebabkan lebih buruk dari baik jika keikhlasan UMNO menghindari diri dari politik wang masih lagi belum dapat dipulangkan. Ada kouta ka, tak ada kouta ka duit beli semua. Tun tak ada buat salah pada UMNO dan Melayu, kebaikkan sangat banyak dari kesilapan serba sedikit. Tapi semacam Tun disisih pula oleh UMNO. Manakala Abdullah yang semua maklum malap, tersasar tangga kenduri, terpijak kain pelikat sendiri dan tokoh bapa pajak gadai Melayu pula di sanjung oleh UMNO? Tak pelik? Sebelum DSN buat apa-apa perubahan, bersihkan UMNO dari AJK Tingkat 4 dulu. Jika tak mampu, tak payah kisah sangat, cuma buat urus tadbir hal ekonomi sahaja lebih baik. Sebab DSN memang kita nampak mampu mengurus ekonomi negara. Sampai PRU13, orang lain pulak ambil alih. Macam tu sajalah nampaknya. UMNO biarkan saja. Kena pilihlah dari sekarang, jangan klentong diri sendiri. Rugi besar macam tu. Rakyat bukan bodoh pun.
P.S: Biawak tandey KJ semua dah dapat Datuk/Datuk Seri, tandey pulak bila agaknya dapat Datuk? Siapa nak bagi? Melaka? Sabah? Sarawak?

---

Ketua pemuda cawangan automatik ke persidangan?
KUALA LUMPUR 15 Sept. - Pergerakan Pemuda UMNO hari ini mengesyorkan supaya ketua-ketua pemuda cawangan secara automatik dipilih sebagai perwakilan ke persidangan UMNO bahagian selaras pindaan perlembagaan parti itu.
Ketua Penerangannya, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican berkata, jika syor berkenaan diterima 17,000 ketua pemuda cawangan berhak memilih kepimpinan parti di peringkat pusat.
Sehubungan itu, beliau berkata, pihaknya akan membentangkan syor berkenaan pada Perhimpunan Agung UMNO bulan depan untuk dibahaskan secara menyeluruh.
"Pergerakan Pemuda UMNO juga akan membentangkan cadangan membenarkan semua ahli jawatankuasa sayap di peringkat bahagian diberi hak memilih pucuk pimpinan parti.
"Jika cadangan ini juga diterima ini bermakna 4,200 lagi pemimpin muda akan terlibat dalam menentukan kepimpinan tertinggi parti," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.
Pada 11 September lalu, mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) bersetuju menghapuskan sistem kuota bagi pemilihan dalam parti iaitu dengan menambah bilangan perwakilan yang diberi hak serta kuasa untuk memilih pemimpin pada masa akan datang.

Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, dengan keputusan itu, bilangan perwakilan yang akan diberi hak dan kuasa untuk memilih jawatan tertinggi dalam parti adalah jauh lebih besar daripada 2,500 perwakilan yang dibenarkan sekarang.
Menurut Najib, langkah itu bagi membanteras kegiatan politik wang selain menjadikan proses pemilihan lebih telus untuk menunjukkan UMNO benar-benar parti yang melibatkan seberapa ramai golongan dalam proses pemilihan pemimpinnya.
Reezal Merican yakin dua syor yang bakal dikemukakan itu merupakan satu bentuk perubahan yang boleh menarik minat generasi muda terlibat dengan perjuangan UMNO.
"Kita percaya perubahan ini akan membawa kepada implikasi positif dari sudut perluasan asas keterlibatan generasi muda dalam menentukan kepimpinan tertinggi parti," ujarnya.
Dalam perkembangan sama, beliau berkata, pindaan perlembagaan yang akan berlaku dalam UMNO bakal mengubah landskap pemilihan pucuk pimpinan parti.
"Pindaan yang menyeluruh baik dalam ruang perlembagaan, peraturan persidangan mahu pun tataetika parti akan menghadirkan UMNO yang lebih segar dan dinamik di mata rakyat.
"Perubahan-perubahan ini bukan lagi bersikap retorik dan abstrak tetapi menjurus kepada perubahan sebenar, saya pasti Pemuda UMNO di peringkat akar umbi akan menyambut baik perubahan ini," tambahnya.

By lampu basikal on September 17, 2009 11:45 AM
Assalamualaikum Tun,
Semoga Allah memberkati Tun suami isteri dan kita semua, selamat hari raya aidilfitri dan maaf zahir dan batin.
Pada pandangan saya apa salah nya kalau kita ambil percalonan dari peringkat cawangan dan menjadikan undi kepada calon calon jawatan jawatan yang di pertandingkan didalam perhimpunan agung UMNO? Dengan ini juga kita dapat mengelak kan amalan rasuah dan dapat memilih calon yang betul2 bolih mendukung amanah yang digalaskan dibahu mereka, calon yang benar benar jujur dan juga popular dikalangan ahli parti dan rakyat. Yang demikian dengan tidak secara langsung dapat kembalikan minat rakyat menyokong UMNO dan menarik minat golongan muda untuk menyertai parti UMNO semula.
Kita perlu overhaul dan rebrand UMNO dan bukan cuma polish sahaja. Ini adalah pendapat peribadi saya. Disebabkan gejala rasuah didalam parti ketika ini meruncingkan maka dengan sistem ini mungkin alternatif yang terbaik di sebabkan ahli dari cawangan yang menyuarakan pilihan mereka dan bukan nya wakil bahagian yang sedikit bilangan nya yang berkemungkinan besar mempunyai kepentingan dengan calon calon yang bertanding. Lagipun bilangan cawangan adalah terlalu besar untuk dirasuah. Anggaran bilangan cawangan di seluruh negara adalah lebih kurang 60,000 cawagan jadi ini akan memustahilkan rancangan untuk merasuah semua cawangan seluruh negara dan dalam proses itu kita akan dapat calon yang mencerminkan kehendak ahli parti dan rakyat am nya.
Akhir kalam semoga Tun berdua berada didalam keadaan sihat walafiat dan caria selalu. I salute you Tun "Hidup Tun Dr Mahathir Dulu, Kini Dan Selamanya". Semoga Allah memberkati Tun dan famili dalam usaha memertabatkan bangsa Melayu dan Agama Islam, Amin.....
Amanah Bangsa dan Islam perlu di perjuangkan.......Selamat hari raya aidilfitri kepada Tun Dr Mahathir perwira bangsa dan agama, maaf zahir dan batin kepada semua warga chedet.co.cc.

PS Kalau dalam suasana balik kampung di hari raya ini kita perlulah berbanyakan sabar dan berhati hati semasa dijalanraya.....

By Oumono on September 17, 2009 11:43 AM
caranya bagi ahli terus yang undi..berapa banyak duit nak ditabur kalau ahli biasa yang mengundi..takkan nak rasuah sorang seringgit.
Hazman Abu bakar
By Adam on September 17, 2009 11:14 AM
You want to know something Tun?
Some of KETUA CAWANGAN, refuse to let the younger generation join UMNO.
They even put their own quota in the roots level. In 6 of my friends, only 2 were accepted.
Then how the hell is this going to change anything?
By jizurimin on September 17, 2009 11:05 AM
Saya setuju dari mula lagi pertandingan pucuk pimpinan dilakukan oleh akar umbi seperti yang dilakukan oleh 2 parti terhebat di USA iaitu parti demokrat and parti Republikan. maka calon yang mahukan jawatan boleh berkempen di depan ahli sendiri dan ini bakal menyaksikan kembalinya pemimpin yang bijak berhujah dan petah berkata-kata. Selain itu, ini juga dapat mengasah bakat memujuk (Persuation) yang amat penting dalam politik. Contohnya bagaimana kebolehan Presiden Barack Obama menjadi calon demokrat setelah diletakkan sebagai pilihan terakhir (underdog). Beliau berjaya naik mempopularitikan dirinya dan parti demokrat dimana akhirnya beliau berjaya mengenepikan calon pilihan (favourite) Hillary Clinton serta menumbangkan gergasi Republikan John McCain.Kempen politik mengajar beliau cara memujuk pengundi demokrat kemudian republikan mengundi beliau, mengumpul dana demi dana untuk kempennya, memanipulasi calon demokrat lain menarik diri dan menyokong beliau; dan paling utama mendapat publisiti serta latihan percuma selama lebih setahun sebagai presiden berkulit hitam Amerika Syarikatyang pertama. Saya berharap dengan ini kita dapat melihat pemacuan arena politik lebih tersusun dan beradab diamalkan.-Jizurimin
By pj1 on September 17, 2009 11:01 AM
Salam hormat YAB Tun berdua
Just a stupid idea. Apa salahnya jika kita buat sistem giliran. Sebelum itu kita chart agendanya supaya sesiapa yang memegang jawatan tidak lari dari agenda yang telah ditetapkan. Pencapaian yang dicapai oleh pemimpin akan diukur berdasarkan kemajuan prestasi bukannya sokongan. Dalam erti kata lain, semakin tidak popular seorang pemimpin itu semakin bagus. These people are suppose to be leaders. Nak jadi popular silakan jadi celebrity.
Ketatkan pula criteria bakal pemimpin. Kaki makan suap, perempuan, judi, arak dan 'tikam belakang' (main belakang pun sekali) akan ditolak bulat-bulat. Terlalu alim pun kita tolak ke parti PAS. Ambil yang moderate tetapi faham fungsi agama, negara dan masyarakat. Mesra pelanggan suatu bonus atau boleh dimasukkan dalam KPI sasaran lawatan yang mesti dilakukan. Jika gagal, kita tukar dengan orang lain. Kontraktor, vendor atau individu yang mempunyai kepentingan sudah tentu tidak boleh beri rasuah sebab orangnya bertukar-tukar.
Mungkin ada cacat celanya pandangan saya ini tapi no idea is a stupid idea.
Tun berdua jaga diri ya.
By anak2merdeka on September 17, 2009 10:58 AM
Penghapusan kuota hendaklah disertakan dengan garis panduan dan syarat layak bertanding yang ketat terutamanya untuk jawatan-jawatan Naib Presiden ke atas.
Jika tidak nanti kita akan dapati berpuluh-puluh orang menawarkan diri dan kemungkinan driver teksi dan duda-duda kampung yang tak tahu nak buat apa pun berminat nak jadi Presiden UMNO.

Selain kena pastikan UMNO terus ralevan, kita juga kena pastikan bahawa UMNO ada 'kelas' yang tersendiri. Bukan parti pinggan mangkuk.
www.anak2merdeka.blogspot.com
By micro-arch on September 17, 2009 10:19 AM
Salam TUN
1. Saya bersetuju cadanagan quota dihapuskan terus dalam UMNO, Malah dalam hala lain juga
2. Saya pernah menjadi ketua pemuda cawangan dan biro Pendidikan + IT Bahagian UMNO di WP. Mulanya atas dasar ingin bantu bangsa dalam mengadakan kelas percuma tuisyen, komputer, keushawanan, kebajkan secara sukarela dan percuma secra aktif pada penduduk setempat. Ini berlaku selepas saya tamat belajar ijazah dan praktis di UK pada tahun 1997.
3. Namun terdapat banyak kelemahan BESAR yang nampak MIKRO dalam sistem UMNO itu sendiri dalam peringkat cawangan, contohnya:
4. Walaupun saya berjaya mengumpul dan menggembelng pelbagai pemuda untuk menggangotai UMNO atas dasar bangsa dan kebajikan di kawasan X-lokaliti, namun keahlian mereka tergantung atas sebab KETUA CAWANGAN yang tidak mahu menandatanganai borang kerana dalam perlembagaan hanya beliau yang berhak menentukan siapa yang layak jadi ahli di cawangannya
5. Hasilnya setiap kali mesyuarat Ketua Cawangan saya yang lebih 10 tahun yang tinggal di Melaka dan hanya setahun sekali melawat 'cawangannya' akan hadir dan akan memebawa ahli-ahli 'ALIEN' sebagai voting powernya, tanpa menghiraukan ahli-ahli 'baru' saya yang aktif di kawaasan sendiri!
6. Ini berlakau kerana Ketua Cawangan Tersebut ingin menjaga 'UNDI'nya secara VETO!
7. Satu lagi insiden, ayah saya bekas Guru Besar Sekolah yang telah pencen turut ingin membuat kebajikan dalam UMNO yang mulanya disyorkan oleh seorang Dato' Bahagian UMNO di Perak yang tahu kekmampuan ayah telah mensgyorkan supaya menjadi ahli cawangan terlebih dahulu.
8. Sudah semestinya ayah saya perlu 'mengadap' ketua cawangan kampungnya hanya ingin menjadi ahli UMNO baru.
9. Teka apa yang berlaku? Ketua cawangan tersebut adalah seoarang Tukang Kebun bunga di sekolahnya yang mana menerima tugasan kerja harian dari Guru Besar..!
10. Bukan niat merendahkan profession Tukang Kebun, tapi dalam sistem pengurusan dan ilmiah tertinggi-orang yang lebih berilmu perlulah di hormati dan diberi kedudukan seadilnya!
11. Dalam UMNO unsur 'DEMOKRAT' perlulah dihalusi dan pilihlah orang yang berilmu dan bukan seorang POLITIKUS yang hanya bersifat retorik, namun berpangkat Menteri dan mendabik dada memimpin Negara?
buah bacang masak serangakai,
buruk dekut meniti batang,
hamba berdagang tidak bertempat,
macam melukut tepi gantang..!
By ezani on September 17, 2009 10:19 AM
Salam Tun dan Selamat Berpuasa pada Tun dan para Muslimin Muslimat sekalian
Terima kasih atas blog yg sangat menarik ini.
Pertama sekali, saya ingin berakata bahawa tidak dinafikan kerajaan Barisan Nasional, walaupun ada keburukannya, telah banyak berjasa dan membawa banyak kemajuan kepada negara Malaysia yang kita cintai ini. Ini memang tidak boleh dinafikan samasekali sebab Barisan Nasional yg menerajui kerajaan semenjak kemerdekaan kita dari jajahan British. Dengan hujah ini, pihak pembangkang memang kena akui bahawa mereka tidak ada track record samasekali

(ataupun belum ada peluang utk membina track record) dan mereka mesti menunjukkan permulaan dan first impression yang baik untuk terus mendapat sokongan.
Yang kedua, saya tidak nafikan juga bahawa semua sistem yg di-implementasikan manusia mesti ada cacat cedera seperti Tun katakan. Ya betul, kalau ahli-ahli bahagian ataupun daerah mempunyai hati y ikhlas, sistem kuota atau sistem bonus votes tidak akan disalahgunakan. Sebenarnya, semua sistem undian dan pencalonan yang telah di-implementasikan di dalam UMNO pada masa dahulu adalah tidak begitu baik dan mungkin sepatutnya di kajiselidik terlebih dahulu samada sesuai atau tidak di-implementasikan.
Seperti yang saya kata berulang kali di dalam blog chedet ini, sistem pencalonan yang paling adil dan yang paling simple adalah sistem 'one-man, one-vote'. Apa jua sistem yg berubah daripada sistem 'one-man, one-vote' ini akan ada cacat cederanya sepert telah berlaku pada UMNO pada masa lampau. Sepatutnya UMNO telah mempraktikkan sistem 'one-man, one-vote' ini dari awal. Saya tahu sistem ini agak extensive dan luas kerana ia kena mengambil kira semua ahli di merata tempat di negara ini (di mana UMNO ada wakil ataupun bahagian) tetapi ia adalah sistem yg adil dan selayaknya bagi parti yang menerajui dan memerintah negara Malaysia yg disayangi ini. Jadi seharusnya, the proper resources is poured in by UMNO untuk mengimplementasikan sistem 'one-man-one-vote' yang adil ini.
ezani
By micro-arch on September 17, 2009 10:17 AM
Salam TUN
1. Saya bersetuju cadanagan quota dihapuskan terus dalam UMNO, Malah dalam hala lain juga
2. Saya pernah menjadi ketua pemuda cawangan dan biro Pendidikan + IT Bahagian UMNO di WP. Mulanya atas dasar ingin bantu bangsa dalam mengadakan kelas percuma tuisyen, komputer, keushawanan, kebajkan secara sukarela dan percuma secra aktif pada penduduk setempat. Ini berlaku selepas saya tamat belajar ijazah dan praktis di UK pada tahun 1997.
3. Namun terdapat banyak kelemahan BESAR yang nampak MIKRO dalam sistem UMNO itu sendiri dalam peringkat cawangan, contohnya:
4. Walaupun saya berjaya mengumpul dan menggembelng pelbagai pemuda untuk menggangotai UMNO atas dasar bangsa dan kebajikan di kawasan X-lokaliti, namun keahlian mereka tergantung atas sebab KETUA CAWANGAN yang tidak mahu menandatanganai borang kerana dalam perlembagaan hanya beliau yang berhak menentukan siapa yang layak jadi ahli di cawangannya
5. Hasilnya setiap kali mesyuarat Ketua Cawangan saya yang lebih 10 tahun yang tinggal di Melaka dan hanya setahun sekali melawat 'cawangannya' akan hadir dan akan memebawa ahli-ahli 'ALIEN' sebagai voting powernya, tanpa menghiraukan ahli-ahli 'baru' saya yang aktif di kawaasan sendiri!
6. Ini berlakau kerana Ketua Cawangan Tersebut ingin menjaga 'UNDI'nya secara VETO!
7. Satu lagi insiden, ayah saya bekas Guru Besar Sekolah yang telah pencen turut ingin membuat kebajikan dalam UMNO yang mulanya disyorkan oleh seorang Dato' Bahagian UMNO di Perak yang tahu kekmampuan ayah telah mensgyorkan supaya menjadi ahli cawangan terlebih dahulu.
8. Sudah semestinya ayah saya perlu 'mengadap' ketua cawangan kampungnya hanya ingin menjadi ahli UMNO baru.
9. Teka apa yang berlaku? Ketua cawangan tersebut adalah seoarang Tukang Kebun bunga di sekolahnya yang mana menerima tugasan kerja harian dari Guru Besar..!
10. Bukan niat merendahkan profession Tukang Kebun, tapi dalam sistem pengurusan dan ilmiah tertinggi-orang yang lebih berilmu perlulah di hormati dan diberi kedudukan seadilnya!

11. Dalam UMNO unsur 'DEMOKRAT' perlulah dihalusi dan pilihlah orang yang berilmu dan bukan seorang POLITIKUS yang hanya bersifat retorik, namun berpangkat Menteri dan mendabik dada memimpin Negara?
buah bacang masak serangakai,
buruk dekut meniti batang,
hamba berdagang tidak bertempat,
macam melukut tepi gantang..!
By HBT on September 17, 2009 10:14 AM
Dearest Tun,
This KUOTA HAPUS apply to all BN and PR too, not only UMNO saja!
Now, Konsep BN - 1 Malaysia!
Kosep PR - Malaysian Malaysia!
What if rakyat prefer to remain "Malaysia", who should we vote then, and there is no such party in Malaysia. How? Don't Vote? Malaysia Mana Boleh kerana ramai lagi sayangkan Negara Kita. Who should represent this majority of Rakyat, Tun in next PRU!
By Mat on September 17, 2009 10:10 AM
Assalamualaikum Tun Mahathir,
Harapnya dengan penghapusan sistem kuota ini, UMNO dapat dikembalikan ke landasan yang lebih baik untuk rakyat. Saya bersetuju sepertimana kata Tun, tidak ada sistem yang tidak cacat. Apa yang penting ialah pucuk pimpinan UMNO perlu sentiasa waspada dan proaktif dalam memastikan UMNO tidak dimanipulasikan oleh pihak-pihak tertentu bagi tujuan peribadi atau politik puak mereka sahaja. Ahli-ahli UMNO juga perlu bangun dan memastikan parti tidak lari dari landasan. Usah malu dan takut untuk berubah. UMNO ialah tanggungjawab setiap orang ahli UMNO.
Kalau dipertimbangkan secara rasional dan mengambilkira perlakuan semua parti politik di Malaysia sekarang, UMNO masih relevan. Fikir-fikirkan lah
Terima Kasih Tun Mahathir
By tatih on September 17, 2009 9:59 AM
Salam Eidul Fitri Tun,
Mari kita sama-sama fikirkan agar semua ahli UMNO dapat mengundi calon-calon pilihan mereka. Rasuah adalah suatu yang terlalu subjektif. Kesedaran moral, tanggungan dosa dan pahala ahli-ahli UMNO sepatutnya dapat menghindari rasuah.
Pokok pangkalnya berbaliklah kepada cara yang tradisi. Namun permudahkan caranya. Apa guna kewujudan teknologi terkini kalau tidak digunakan sepenuhnya.
InsyaAllah UMNO akan terus relevan.
By blink4blog on September 17, 2009 9:44 AM
Salam Tun,
Saya setuju dengan undian akar umbi dari ahli.
By HBT on September 17, 2009 9:43 AM
Dearest Tun,
This is the so-called "barrier entry" - Kuota, bonus or Makan Suap sama jugak!!!!
Why the world landed into this crisis chaos, it is because of this "Materialistic Monies Reward System" introduced by Capitalists without MORAL and INTEGRITY which only contribute to serious social illnesses that could lead to Anarchy if WE DON'T CHANGE NOW!!!!

In new world, people are more educated, more moral value added, hence they are less and less "animal" than animals as time goes by. Please Don't get offended, human beings are the smartest animal of all animals, if you know Science and Do Not Believe Bread Turned Into Rats!
Wake up, last call before its too late!!!!
By pakpandir08 on September 17, 2009 9:36 AM
- Semasa berkuasa, AP dikatakan tiada masalah ... selepas pencen, complain AP disalahgunakan
- Semasa berkuasa, Air Murah jual kepada Singapura tiada masalah ... selepas pencen, complain itu tak betul
- Semasa berkuasa, Sami Biru dikatakan baik belaka ... selepas pencen, complain dia tak baik
- Semasa berkuasa, orang lain kritik kena tangkap ... selepas pencen, kritik orang dikatakan freedom of speech
- Semasa berkuasa, duduk lama lama pegang kuasa ... selepas pencen, kritik orang gila kuasa
- Semasa berkuasa, Kuata dikatakan betul ... selepas pencen, complain ia amat buruk sekali
By azari on September 17, 2009 9:36 AM
YA SETUJU>>>BIAR AHLI YG UNDI..
KALAU AHLI YG UNDI...
ANAK OMAK DARI REMBAU...JGN HARAP JADI KETUA PEMUDA
KETUA DARJAH TADIKA PUN BELUM TENTU...
TOO BAD KJ IS THE LEADER..TILL NOW NO..DIRECTION...
By bustamam on September 17, 2009 9:28 AM
Mana-mana sistem yang diwujudkan hanya membantu melancarkan aturan sesuatu perkara dan tidak dinafikan ianya boleh dimanipulasi mengikut kehendak pihak-pihak tertentu.
By waterlily on September 17, 2009 9:26 AM
Salam Tun,
Seingat saya Tun amat mempertahankan sistem kuota ini semasa Tun menjadi Presiden dan Perdana Menteri. Jawapannya adalah kerana ia amat menguntungkan Presiden. Sistem ini telah menyebabkan UMNO tidak dapat membuat pertukaran pucuk pimpinan dengan orang yang benar-benar layak.
Walaubagaimanapun kemampuan Tun memperakui kelemahan sistem ini wajar dilihat secara positif. Meneruskan sesuatu sistem yang memang sudah dikenalpasti tidak dapat membantu adalah satu langkah yang dangkal. Di harap UMNO mempunyai kekuatan untuk berubah, jika tidak anda akan diubah.
By samurai on September 17, 2009 9:15 AM
ya betul, Tun.
Selagi ada rasuah, selagi itu tidak dapat yang terbaik.
Pertama sekali hapuskan rasuah dengan buang yang makan dan beri rasuah.
By Tahir Jumat on September 17, 2009 8:58 AM
Assalamualaikum TUN,
You never fail to bring topic of interest for everyone.
Nevertheless Tun my worry is will the rakyat reject UMNO and BN in the next PRU.If the rakyat is unhappy with a few personalities in UMNO or BN and they vote in opposition, then its all over for UMNO and BN. Is it fair for the rakyat to totally reject UMNO and BN after decades of development by BN govt. After all not all BN MP and ADUN are as bad as being potrait by the opposition. There are a few, yes no doubt, but because of one bad apple are they the rakyat willing to chop off the tree that have given them all they have today. By the way the opposition are no better off, infact are worse off then what they potrait themselves to be. They are no angel,

no way.
May Allah Bless You TUN and Family.
SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI.
By adi5707 on September 17, 2009 8:39 AM
Salam Tun,
Kita dah cuba sistem undi dari perwakilan, dah cuba undi dari bahagian... mari kita cuba undi terus dari ahli... dari akar umbi...

Source : http://chedet.co.cc/chedetblog/2009/09/kuota-hapus.html